



جَابِئَاتُ كَامِرَاتٍ سَالِمَاتٍ يُخَالِفْنَ الْمَغْلُوبَاتِ

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

Tingkat 1, Menara Selatan,  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,  
40676 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5514 3600  
Faks : 03-5510 3368  
Laman Web : www.jais.gov.my  
Emel : info@jais.gov.my



Ruj. Kami : JAI.SEL.BPM/01/006/2.JLD.4( 34 )  
Tarikh : 13 Jumadal Akhirah 1442H  
25 Januari 2021H

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**S.F Imam Besar Masjid Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah  
Semua Pengurus Masjid Pengurusan Negeri Selangor  
Semua Nazir Masjid Negeri Selangor  
Semua Pengerusi Surau Negeri Selangor  
Semua Pentadbir Musolla Negeri Selangor**

YBhg Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Tuan,

**ARAHAN MELAKSANAKAN BACAAN YASIN SETIAP MALAM DI MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR SERENTAK SELANGOR BAGI MEMOHON PERTOLONGAN ALLAH S.W.T. DARI MUSIBAH COVID-19 DAN KESEJAHTERAAN UMMAH, NEGERI DAN NEGARA**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Umum mengetahui bahawa, ketika ini kerajaan sedang menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 13 Januari dan dilanjutkan sehingga 4 Februari 2021 di seluruh negeri kecuali Negeri Sarawak yang dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Langkah melanjutkan PKP ini adalah disebabkan *trend* peningkatan jangkitan wabak Covid-19 yang sangat mencemaskan di seluruh negara khususnya di Negeri Selangor yang terus mencatatkan angka penularan tertinggi dan pasukan barisan hadapan sudah pasti merasai keletihan menghadapi situasi ini dalam tempoh yang panjang.

3. Walaupun pengimarah masjid dan surau di Negeri Selangor khususnya Solat Fardhu Jumaat dan Solat Fardhu Lima (5) Waktu masih dihadkan pada bilangan jumlah terhad sehingga ketetapan baru dikeluarkan, **maka jabatan ini mengarahkan agar semua masjid dan surau di Negeri Selangor dapat melaksanakan bacaan Surah Yasin setiap malam (selepas waktu maghrib atau isyak)** sebagai ikhtiar bagi memohon pertolongan daripada Allah S.W.T agar musibah penularan wabak Covid-19 yang semakin membimbangkan dapat diangkat oleh Allah S.W.T dari negeri dan negara ini. **Program ini adalah sebagai tambahan kepada Program Selangor Bermunajat Dan Berdoa yang dilaksanakan pada setiap hari Isnin dan Khamis setiap minggu.**

CEKAP, CEPAT DAN BERKUALITI



MS ISO 9001:2008  
REG.NO.AR 3263


4. Memandangkan bilangan jemaah yang dibenarkan di masjid dan surau masih dalam bilangan terhad, maka Pentadbir Masjid dan Surau juga diminta untuk memaklumkan pelaksanaan program ini kepada ahli-ahli kariah agar amalan ini juga akan turut dilaksanakan oleh para ahli kariah di kediaman masing.

5. Semoga usaha ini akan mendekatkan usaha dan ikhtiar manusia sebagai hamba untuk memohon pertolongan hanya kepada Allah S.W.T. dan meyakini dalam konteks tauhid yang mendalam bahawa apa yang berlaku adalah di dalam ilmu Allah S.W.T.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sekian, wassalam.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' HAJI MOHD SHAHZIHAN BIN AHMAD) D.P.M.S., P.P.T.**  
Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor.

- s.k. :
- Y.A.D. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Bin Mohd. Yusof  
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor
  - S.S. Dato' Setia Hj. Mohd Tamyas Bin Abd Wahid  
Mufti Negeri Selangor
  - Y.D.H. Dato' DCP Arjunaidi Bin Mohamed  
Pemangku Ketua Polis Negeri Selangor
  - Y.Bhg. Dato' Indera Dr. Sha'ari Bin Ngadiman  
Pengarah Kesihatan Negeri Selangor
  - Y.Bhg. Puan Faizatul Aini Binti Mohd Adnan  
Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Negeri Selangor
  - Timbalan Pengarah Operasi, Jabatan Agama Islam Selangor